

14 NOV 1998

Lim-pekebun

KELUASAN TANAMAN GETAH PEKEBUN KECIL AKAN DITAMBAH

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Kerajaan bercadang menambah keluasan tanah tanaman getah yang diusahakan pekebun kecil di bawah program penyusunan semula industri getah negara bagi membantu mereka memperolehi pendapatan yang lebih baik, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata di bawah program itu, pekebun kecil yang majoritinya mengerjakan tanah kebun getah seluas 1.2 hektar, akan diberi tanah tambahan antara 5 dan 6 hektar untuk diusahakan.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pusat Gerakan di ibupejabat parti di sini, beliau berkata untuk tujuan itu kementerian akan meminta kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Risda mengenal pasti pekebun kecil berkenaan dan lokasi tanah itu.

Beliau berkata penyusunan itu perlu dilakukan kerana harga pasaran getah kini semakin merosot dan tidak menunjukkan tanda-tanda akan pulih dalam masa terdekat dan kehidupan pekebun kecil yang menghasilkan 80 peratus keluaran getah negara semakin tertekan.

"Kehidupan para pekebun kecil kini semakin terhimpit dan akan berada di paras kemiskinan jika langkah segera tidak diambil bagi membantu mereka," katanya.

Lim berkata selain itu, langkah lebih efektif akan dilakukan bagi menggalakkan pekebun kecil menggunakan sistem torehan moden yang boleh mengeluarkan susu getah lebih banyak tanpa menggunakan tenaga buruh yang ramai.

Mengenai perkembangan politik semasa, Lim yang juga Presiden Gerakan mengulangi pendirian parti menyokong usaha-usaha Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad membawa kemajuan pesat negara terutama bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Beliau menasihati rakyat supaya jangan mudah terpedaya dengan slogan reformasi yang dilaung-laungkan oleh penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kumpulan Gerak yang mendakwa memperjuangkan keadilan untuk rakyat.

"Mereka sebenarnya ialah golongan oportunist yang hanya cuba mengambil kesempatan terhadap kelemahan tertentu kerajaan dan memperjuangkan kepentingan individu atau kumpulan tertentu dan bukan kepentingan rakyat secara keseluruhannya," katanya.

Lim berkata rakyat Malaysia harus berdiri teguh di belakang kerajaan dalam usaha menangani kegawatan ekonomi dan mengekalkan pendirian menolak kumpulan Gerak.

-- BERNAMA

AKT NAK